

## Faktor-Faktor Pelindung Yang Menyumbang Ke Arah Pengintegrasian Semula Banduan Yang Berjaya: Satu Kajian Ulasan Sistematik

### *Protective Factors that Contribute Towards a Successful Reinforcement of a Prisoner: A Systematic Review*

Open  
Access

Tharshini Sivabalan<sup>1,\*</sup>, Fauziah Ibrahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

#### ARTICLE INFO

##### **Article history:**

Received 25 June 2018

Received in revised form 13 July 2018

Accepted 17 July 2018

Available online 24 July 2018

#### ABSTRACT

Artikel ini disediakan bagi mengulas faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula banduan yang berjaya. Satu kajian ulasan sistematik telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan dimensi yang menyumbang kepada pengintegrasian semula yang berjaya dengan menggunakan pangkalan data Elsevier dan Sage. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor utama yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula banduan yang berjaya iaitu: (i) faktor motivasi untuk berubah, (ii) faktor sokongan sosial, (iii) faktor pegangan keagamaan dan (iv) faktor pekerjaan. Dapatan kajian turut menjelaskan bahawa faktor pelindung mengurangkan kadar residivisme serta membendung risiko keterlibatan semula dengan aktiviti jenayah. Hasil kajian memberi implikasi kepada pihak berkepentingan mengenai domain yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya agar bantuan yang sewajarnya dapat diberikan kepada kumpulan sasaran setelah mereka dibebaskan daripada penjara atau institusi pemulihan akhlak.

*This article is prepared to review protective factors that contribute towards a successful reintegration among offenders. A systematic review was conducted to obtain information regarding the dimension that influences successful reintegration in databases such as Elsevier and Sage. The results indicate that there are four main factors that contribute towards a successful reintegration among offenders such as: (i) motivation to change, (ii) social support, (iii) spirituality and (iv) employment. The finding also stipulate that protective factors abbreviate the recidivism rate and reduce the risk to involve in criminal activities. As an overall impact, the study provided implications to the concerned parties regarding the domains that contribute to successful reintegration thus a felicitous assistance can be provided to the target group prior to their release from prison or rehabilitation institution.*

**Kata Kunci:** Pengintegrasian semula, Banduan, Ulasan Sistematik

**Keywords:** Reintegration, offenders, systematic review

\* Corresponding author.

E-mail address: [tharshini@siswa.ukm.edu.my](mailto:tharshini@siswa.ukm.edu.my) (Tharshini Sivabalan)

## 1. Pengenalan

Pengintegrasian semula didefinisikan sebagai suatu proses transisi daripada penjara ke komuniti yang mendorong bekas banduan untuk menyesuaikan diri semula dalam persekitaran sosial [1]. Secara amnya, pengintegrasian dapat dibahagikan kepada empat dimensi utama iaitu: (i) pengintegrasian fizikal, (ii) pengintegrasian kefungsi, (iii) pengintegrasian sosial dan (iv) pengintegrasian semula [2]. Dalam konteks kajian ini, dimensi pengintegrasian semula akan dibincangkan serta diberikan penekanan yang sewajarnya memandangkan elemen ini merupakan aspek penting yang dapat membantu bekas banduan untuk menjadi sebahagian daripada persekitaran sosial selepas dibebaskan daripada penjara. Secara lazimnya, apabila seseorang bekas banduan masuk semula ke dalam komuniti setelah selesai menjalani hukuman penjara untuk satu tempoh tertentu; maka pelbagai strategi yang efektif perlu diimplimentasikan dalam sistem sosial bagi mewujudkan sebuah platform yang dapat membantu golongan ini untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula.

Terdapat empat peringkat utama yang mempengaruhi pengintegrasian semula iaitu: (i) pengalaman kehidupan sebelum dipenjarakan, (ii) pengalaman kehidupan semasa berada dalam penjara, (iii) pengalaman kehidupan selepas dibebaskan daripada penjara dan (iv) pengalaman kehidupan semasa mengintegrasikan diri semula dalam komuniti selepas dibebaskan daripada penjara [3]. Secara lazimnya, pengintegrasian semula yang berjaya dapat dicapai oleh bekas banduan sekiranya mereka bersedia untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri sendiri, mengelakkan diri daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah serta giat berusaha untuk mengintegrasikan diri dalam keluarga agar kehadiran mereka dapat diterima semula oleh ahli keluarga dengan sebaik mungkin [4]. Selain itu, menurut pandangan McNeill [5] dan Fox [6] bekas banduan berpeluang tinggi untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula sekiranya: (i) wujud perubahan positif dalam personaliti dan tingkah laku individu, (ii) individu mempamerkan kesungguhan untuk mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial dan (iii) ahli komuniti bersikap terbuka serta sanggup menerima individu yang pernah terjebak dengan salah laku jenayah.

Menurut Ministry of Justice [7], sejumlah 1.6 juta banduan telah menjalani hukuman penjara di England dan Wales dari tahun 1993 hingga tahun 2016 sebaliknya Glaze [8] menyatakan bahawa sebanyak 11 juta banduan telah ditangkap semula dalam tempoh 12 bulan selepas keluar daripada penjara. Oleh yang demikian, Fox [9] menjelaskan bahawa untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula individu perlu diberi peluang bagi memainkan peranan yang bermakna dalam keluarga, tempat kerja dan kehidupan sosial. Selain itu, bagi berjaya dalam proses pengintegrasian semula beberapa siri perubahan perlu diwujudkan dalam gaya hidup bekas banduan terutamanya dari aspek sosial, tingkah laku dan kognitif agar risiko residivisme dapat dikurangkan sepenuhnya [10,11]. Hal ini kerana, dalam konteks sebenar kehidupan seseorang bekas banduan adalah amat sukar memandangkan mereka perlu: (i) bergelut dengan pelbagai cabaran untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik, (ii) menjalani ujian saringan bebas dadah yang kerap, (iii) mengikuti latihan dan program pemulihan sepertimana yang diarahkan oleh pihak penjara/pegawai kaunseling dari masa ke semasa serta (iv) menerima tohmahan negatif daripada masyarakat sejagat [12].

Secara amnya, faktor pelindung berkembang daripada konsep daya tindak di mana individu yang mempunyai kemahiran daya tahan yang positif mampu mengelakkan diri daripada terjebak semula dengan tingkah laku antisosial serta berupaya untuk menangani tekanan perasaan dan kebimbangan


yang wujud dalam diri mereka dengan sebaik mungkin [13]. Walaupun faktor pelindung merupakan elemen penting untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula namun didapati bahawa kebanyakan daripada sorotan literatur hanya membincangkan mengenai faktor berisiko serta cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan semasa mengintegrasikan diri semula dalam komuniti. Menurut pandangan Thornton [14], Nee *et al.*, [15] dan Ward [16] walaupun faktor berisiko merupakan peramal signifikan terhadap keterlibatan semula dengan aktiviti jenayah namun hanya faktor pelindung sahaja yang mampu mengelakkan seseorang individu daripada terlibat semula dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial. Justeru, dalam konteks kajian ini ulasan sistematik yang berfokus kepada faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya akan diberikan perhatian yang sewajarnya.

## 2. Metodologi

Sebuah kajian ulasan sistematik dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya. Kata kunci seperti “faktor-faktor pelindung”, “pengintegrasian semula” dan “jenayah” ditaip dalam pangkalan data seperti *Elsevier* dan *Sage* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bermula daripada 1 Januari 2000 hingga 1 Jun 2018, (ii) data kuantitatif dan kualitatif termasuk hasil temubual bersama dengan pegawai lapangan, pihak berkuasa polis, bekas banduan dan pegawai penjara serta (iii) penyelidikan yang melibatkan sekurang-kurangnya 15 individu sebagai responden kajian (bagi mengurangkan bias yang berkaitan dengan kesahan, kebolehppercayaan serta saiz sampel yang tidak mencukupi).

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan sebuah ulasan sistematik yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualiaan/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang tidak lengkap berkaitan dengan faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya. Rajah 1 menunjukkan proses menjalankan ulasan sistematik dalam kajian ini.



Rajah 1. Proses menjalankan ulasan sistematik

### 3. Dapatan Kajian

Berpandukan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan terdapat empat faktor utama yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya iaitu: (i) motivasi untuk berubah, (ii) sokongan sosial, (iii) pegangan keagamaan dan (iv) pekerjaan.

#### 3.1 Motivasi untuk Berubah

Kesediaan serta kesanggupan seseorang bekas banduan untuk mengubah tingkah laku negatif bagi menyesuaikan diri dalam sesebuah komuniti merupakan aspek penting untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula [17]. Selain itu, Murphy *et al.*, [18] menjelaskan bahawa elemen-elemen seperti perapatan, motivasi dan nilai moral yang positif mampu mendorong seseorang individu untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab serta tidak terjebak semula dengan salah laku jenayah. Secara amnya, bagi mengekalkan kestabilan emosi yang positif bekas banduan perlu mempunyai persepsi yang baik terhadap kehidupan, sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan cabaran baharu dengan hati yang terbuka serta tidak mudah berasa kecewa apabila berhadapan dengan kegagalan dalam kehidupan [19]. Tambahan pula, Murphy *et al.*, [20] menjelaskan bahawa faktor keyakinan serta kepercayaan terhadap kebolehan diri sendiri dapat membantu bekas banduan untuk menangani cabaran yang terdapat dalam proses pengintegrasian semula.

Menurut pandangan Rumgay [21], kestabilan kognitif dapat membantu mengekalkan personaliti diri dan efikasi sendiri yang positif dalam diri bekas banduan. Selain itu, Sampson dan Laub [22] menjelaskan bahawa intrinsik dan motivasi dalaman merupakan dimensi penting yang mampu mengubah tingkah laku bekas banduan agar tidak terlibat semula dengan kesalahan jenayah manakala Bottoms dan Shapland [23] menjelaskan bahawa keinginan untuk berubah semasa berada dalam penjara serta sokongan sosial yang diterima selepas keluar daripada penjara menjadi faktor pemangkin yang dapat mewujudkan perubahan positif dalam diri bekas banduan. Tambahan pula, Bottoms dan Shapland [24] turut menyatakan bahawa kompetensi sendiri dan imej sendiri yang positif dapat meningkatkan lagi motivasi bekas banduan untuk berusaha bagi menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial serta tidak terlibat semula dengan aktiviti jenayah.

Davis *et al.*, [25] dan Gideon [26] menjelaskan bahawa motivasi untuk berubah dapat menyumbang kepada perubahan tingkah laku dalam diri bekas penagih dadah serta mewujudkan keinginan untuk menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat selepas keluar daripada pusat pemulihan akhlak sebaliknya kekurangan motivasi untuk berubah boleh menyebabkan berlakunya masalah relaps dalam kalangan bekas penagih yang pernah terjebak dengan kancah dadah. Selain itu, McKay dan Weiss [27] menyatakan bahawa motivasi untuk berubah serta kemahiran daya tindak yang positif mampu membantu bekas banduan bagi mengubah tingkah laku negatif yang wujud dalam diri mereka sekaligus menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya. Namun begitu, bagi mengekalkan tahap motivasi yang tinggi untuk satu tempoh masa yang panjang; bekas banduan memerlukan proses sosialisasi, interaksi dan penerimaan positif daripada jiran tetangga dan ahli komuniti [28].

#### 3.2 Sokongan Sosial

Sokongan sosial daripada ahli keluarga merupakan faktor pelindung yang signifikan bagi membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula. Hal ini kerana, pemenjaraan dan penahanan dalam institusi pemulihan akhlak mampu mewujudkan pengalaman

traumatik dalam diri individu memandangkan mereka perlu berpisah dengan ahli keluarga dan anak-anak untuk satu tempoh masa tertentu [29]. Maka, dalam situasi sebegini sokongan sosial yang berterusan daripada ahli keluarga, rakan sebaya dan saudara-mara adalah amat penting bagi membantu mengekalkan kestabilan emosi serta mendorong bekas banduan bagi mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka [30]. Selain itu, bukti empirikal turut menunjukkan bahawa majoriti daripada bekas banduan akan kembali semula ke pangkuan keluarga sejurus selepas dibebaskan daripada penjara kerana ahli keluarga merupakan sumber primer yang dapat menghulurkan sokongan dan bantuan kepada golongan ini tanpa mempamerkan sebarang bentuk prejudis [31,32].

Pengintegrasian semula merupakan satu proses yang kompleks kerana bekas banduan perlu: (i) menjalin semula hubungan yang baik bersama ahli keluarga, (ii) membina dan mengekalkan identiti diri yang positif selepas keluar daripada penjara serta (iii) berusaha keras bagi mengelakkan diri daripada terlibat semula dengan kesalahan jenayah [33]. Justeru, dalam situasi sebegini sokongan sosial daripada ahli keluarga adalah amat penting bagi membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula serta mengelakkan mereka daripada terbabit semula dengan kesalahan jenayah [34]. Selain itu, menurut Christian [35] bekas banduan yang menerima sokongan sosial (sokongan emosi dan sokongan kewangan) yang berterusan daripada ahli keluarga didapati kurang terjebak semula dengan kesalahan jenayah berbanding dengan bekas banduan yang dipinggirkan oleh ahli keluarga dan saudara-mara.

Menurut Christian [36], sokongan sosial daripada ahli keluarga merupakan sumber utama yang dapat membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula. Hal ini kerana, sokongan dan motivasi yang diberikan oleh ahli keluarga mampu: (i) mengurangkan risiko relaps, (ii) meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri individu, (iii) mengukuhkan ikatan kasih sayang bersama ahli keluarga serta (iv) meningkatkan kemahiran daya tindak dalam diri individu [37,38]. Selain itu, Lopez *et al.* [39] dan Juan *et al.* [40] menjelaskan bahawa bekas banduan yang kurang menerima sokongan sosial daripada ahli keluarga dan rakan sebaya mudah berasa sunyi serta mula mengasingkan diri daripada persekitaran sosial. Oleh yang demikian, sokongan sosial yang berterusan daripada sistem sosial adalah amat diperlukan oleh bekas banduan agar mereka dapat menjadi sebahagian daripada ahli komuniti walaupun pernah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial.

### 3.3 Pegangan Keagamaan

Pegangan agama yang kukuh merupakan faktor peramal yang mampu mengurangkan risiko relaps terutamanya bagi bekas banduan yang pernah terlibat dengan masalah penagihan dadah [41,42]. Menurut Johnson *et al.*, [43], bekas banduan yang mempunyai pegangan agama yang kuat selepas dibebaskan daripada penjara kurang terlibat semula dengan masalah penyalahgunaan dadah dan alkohol. Selain itu, Lyons *et al.*, [44] menjelaskan bahawa "*spiritual awakening*" yang wujud dalam diri individu meningkatkan lagi tahap kesedaran diri serta mendorong bekas banduan untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka. Tambahan pula, jalinan positif bersama institusi keagamaan didapati turut membantu bekas banduan bagi meluaskan jaringan sosial bersama ahli komuniti, meningkatkan kawalan diri serta mengelakkan mereka daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah [45].

Secara lazimnya, apabila seseorang bekas banduan kembali semula ke dalam komuniti setelah selesai menjalani tempoh hukuman; mereka akan berhadapan dengan pelbagai persepsi negatif daripada persekitaran sosial. Justeru, dalam situasi tersebut pegangan keagamaan yang kuat dapat membantu meningkatkan motivasi dalam diri bekas banduan bagi membina kehidupan baharu yang

lebih positif serta terus berusaha untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka [46]. Selain itu, MacKenzie [47] menjelaskan bahawa bekas banduan yang telah menjalani sesi pemulihan yang memberi penekanan terhadap elemen spiritualiti semasa berada di penjara didapati lebih berjaya dalam proses pengintegrasian semula kerana wujud transformasi positif dari aspek identiti setelah dibebaskan daripada penjara.

Bakken *et al.*, [48] menyatakan bahawa pegangan keagamaan yang kuat berperanan sebagai mekanisme penting untuk meningkatkan kawalan diri serta mewujudkan identiti pro-sosial bagi bekas banduan yang pernah terjebak dengan masalah jenayah. Selain itu, Bakken *et al.*, [49] turut menjelaskan bahawa pegangan keagamaan yang kuat menyumbang ke arah pengintegrasian semula yang berjaya memandangkan elemen ini meningkatkan kekuatan minda serta memberi sokongan dari aspek psikologi dan emosi apabila bekas banduan berhadapan dengan situasi yang tertekan. Seterusnya, bukti empirikal menunjukkan bahawa dimensi keagamaan mampu mewujudkan keinsafan dalam diri individu, mengajar erti kehidupan yang sebenar serta mendorong seseorang individu untuk meminta maaf kepada pencipta kerana pernah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan ajaran agama [50].

### 3.4 Pekerjaan

*The Pew Center on the States* [51] menjelaskan bahawa faktor pekerjaan yang tetap membantu bekas banduan untuk menghindari diri mereka daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah. Secara lazimnya, bekas banduan yang telah bekerja dapat menguruskan keperluan diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain. Keadaan ini menyebabkan mereka dapat menjadi seorang individu yang berdikari serta mampu meneruskan kehidupan dengan jayanya selepas keluar daripada penjara/institusi pemulihan akhlak [52]. Menurut Pardini *et al.*, [53], persepsi anggota masyarakat terhadap bekas banduan yang telah bekerja adalah berbeza dengan mereka yang masih menganggur. Hal ini kerana, majoriti daripada ahli komuniti percaya bahawa bekas banduan yang telah bekerja tidak akan terlibat semula dengan aktiviti jenayah [54].

Kesungguhan yang dipamerkan oleh bekas banduan dalam mencari pekerjaan yang tetap selepas keluar daripada penjara menjadi indikator bahawa golongan ini mahukan perubahan positif dalam kehidupan mereka serta telah memutuskan untuk meneruskan gaya kehidupan pro-sosial [55]. Menurut Chalfin *et al.*, [56], Nordin *et al.*, [57] dan Fallesen *et al.*, [58] bekas banduan yang menganggur lebih daripada setahun didapati berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan jenayah kekerasan. Maka, peluang pekerjaan yang tetap dapat membantu bekas banduan untuk menguruskan keperluan diri sendiri, menyelesaikan hutang serta membina rangkaian sosial yang positif dalam komuniti [59,60]. Selain itu, bukti empirikal turut mendapati bahawa majoriti daripada bekas banduan yang telah berkerja berjaya menjalin perhubungan yang positif bersama rakan sekerja serta kurang menunjukkan minat/keinginan untuk kembali terlibat semula dengan aktiviti jenayah kerana mempunyai tanggungjawab baharu dalam kehidupan mereka [61].

Secara amnya, tempoh pemenjaraan yang panjang menyukarkan bekas banduan untuk mengadaptasikan diri semula dengan gaya kehidupan yang norma kerana dibelenggu dengan perasaan malu dan rendah diri [62]. Oleh yang demikian, Ward [63] dan Devon *et al.*, [64] menjelaskan bahawa faktor pekerjaan yang tetap dapat membantu bekas banduan bagi memperbaiki kemahiran berkomunikasi, mendisiplinkan diri daripada terjebak semula dengan tingkah laku berisiko serta mendorong mereka agar terus berusaha sehingga berjaya dalam proses pengintegrasian semula. Selain itu, Kewley [65] menjelaskan bahawa faktor pekerjaan yang tetap mampu membina identiti diri yang positif serta menguatkan lagi ikatan sosial di antara bekas banduan dengan rakan sekerja.



#### 4. Kesimpulan

Berdasarkan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan, maka dapat dirumuskan bahawa pengintegrasian semula yang berjaya perlu dicapai oleh setiap bekas banduan yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah agar mereka dapat menjadi sebahagian daripada persekitaran sosial serta tidak berhadapan dengan isu stigma dan penerimaan negatif daripada ahli komuniti selepas dibebaskan daripada penjara/institusi pemulihan akhlak. Secara amnya, pemahaman yang mendalam mengenai konsep pengintegrasian semula adalah amat penting bagi badan profesional, ahli keluarga dan anggota masyarakat agar bantuan dan sokongan yang sewajarnya dapat diberikan kepada bekas banduan apabila mereka kembali semula ke dalam komuniti. Selain itu, anggota masyarakat seharusnya bersikap terbuka dalam menerima semula bekas banduan serta tidak mendiskriminasikan golongan ini agar mereka dapat meneruskan kehidupan pro-sosial dengan jayanya.

Peluang bagi memulakan kehidupan baharu sepatutnya diberikan kepada setiap bekas banduan agar mereka dapat memainkan peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Justeru, dicadangkan agar: (i) badan kerajaan dan badan bukan kerajaan berganding bahu bagi membuka peluang pekerjaan kepada bekas banduan terutamanya dalam sektor pembinaan, penternakan haiwan, pertanian dan perhutanan agar kadar guna tenaga dapat dipertingkatkan lagi, (ii) institusi kebajikan masyarakat seharusnya menawarkan bantuan kewangan kepada bekas banduan sekurang-kurangnya selama tiga bulan selepas mereka dibebaskan daripada penjara/institusi pemulihan akhlak agar risiko residivisme dapat dikurangkan, (iii) ahli komuniti perlu bekerjasama dalam membantu bekas banduan menerusi penglibatan secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan dalam komuniti agar masalah stigma terhadap golongan ini dapat dibendung sepenuhnya dan (iv) pegawai penjara/pegawai kerja sosial perlu membuat lawatan berkala (sekurang-kurangnya selama 6 bulan) ke rumah bekas banduan bagi memastikan agar golongan ini menjalani kehidupan yang sejahtera dan bebas jenayah selepas dibebaskan daripada penjara/institusi pemulihan akhlak.

#### Rujukan

- [1] Laub, John H., and Robert J. Sampson. "Understanding desistance from crime." *Crime and justice* 28 (2001): 1-69.
- [2] Venema, Eleonora. *Social Integration in a Reversed Integration Neighbourhood?: Perspectives of Neighbours, Family Members, and Direct Support Professionals and the Role of Formal and Informal Support*. Rijksuniversiteit Groningen, 2016.
- [3] Visher, Christy A., and Jeremy Travis. "Transitions from prison to community: Understanding individual pathways." *Annual review of sociology* 29, no. 1 (2003): 89-113.
- [4] Visher, Christy A., and Jeremy Travis. "Transitions from prison to community: Understanding individual pathways." *Annual review of sociology* 29, no. 1 (2003): 89-113.
- [5] McNeill, F. (2014). *How Best to Stop Offenders Reoffending and Reintegrate them into Civil Society*. British Academy London. SAGE Publications.
- [6] Fox, Kathryn J. "Civic commitment: Promoting desistance through community integration." *Punishment & Society* 18, no. 1 (2016): 68-94.
- [7] Ministry of Justice. "Population and Capacity Briefing for Friday 17th June 2016." (2016).
- [8] Glaze, Lauren E., and Erika Parks. "Correctional populations in the United States, 2011." *Population* 6, no. 7 (2011): 8.
- [9] Fox, Kathryn J. "Civic commitment: Promoting desistance through community integration." *Punishment & Society* 18, no. 1 (2016): 68-94.
- [10] Cobbina, Jennifer E. "Reintegration success and failure: Factors impacting reintegration among incarcerated and formerly incarcerated women." *Journal of Offender Rehabilitation* 49, no. 3 (2010): 210-232.
- [11] Richie, Beth E. "Challenges incarcerated women face as they return to their communities: Findings from life history interviews." *Crime & Delinquency* 47, no. 3 (2001): 368-389.
- [12] Masten, Ann S., and Angela J. Narayan. "Child development in the context of disaster, war, and terrorism: Pathways of risk and resilience." *Annual review of psychology* 63 (2012).

- [13] Thornton, David. "Implications of our developing understanding of risk and protective factors in the treatment of adult male sexual offenders." *International journal of behavioral consultation and therapy* 8, no. 3-4 (2013): 62.
- [14] Thornton, David. "Implications of our developing understanding of risk and protective factors in the treatment of adult male sexual offenders." *International journal of behavioral consultation and therapy* 8, no. 3-4 (2013): 62.
- [15] Nee, Claire, and Zarah Vernham. "Expertise and its contribution to the notion of protective factors in offender rehabilitation and desistance." *Aggression and violent behavior* 32 (2017): 37-44.
- [16] Ward, Tony. "Prediction and agency: The role of protective factors in correctional rehabilitation and desistance." *Aggression and violent behavior* 32 (2017): 19-28.
- [17] Visser, Christy. "Returning home: Understanding the challenges of prisoner reentry: Maryland pilot study: Findings from Baltimore." (2004).
- [18] Buchanan, Marla, Kelly Murphy, Megan Smith Martin, Mo Korchinski, Jane Buxton, Alison Granger-Brown, Debra Hanson, Greg Hislop, Ann C. Macaulay, and Ruth Elwood Martin. "Understanding incarcerated women's perspectives on substance use: Catalysts, reasons for use, consequences, and desire for change." *Journal of Offender Rehabilitation* 50, no. 2 (2011): 81-100
- [19] Rungay, Judith. "Scripts for safer survival: Pathways out of female crime." *The Howard Journal of Criminal Justice* 43, no. 4 (2004): 405-419.
- [20] Buchanan, Marla, Kelly Murphy, Megan Smith Martin, Mo Korchinski, Jane Buxton, Alison Granger-Brown, Debra Hanson, Greg Hislop, Ann C. Macaulay, and Ruth Elwood Martin. "Understanding incarcerated women's perspectives on substance use: Catalysts, reasons for use, consequences, and desire for change." *Journal of Offender Rehabilitation* 50, no. 2 (2011): 81-100.
- [21] Rungay, Judith. "Scripts for safer survival: Pathways out of female crime." *The Howard Journal of Criminal Justice* 43, no. 4 (2004): 405-419.
- [22] Laub, John H., and Robert J. Sampson. "Understanding desistance from crime." *Crime and justice* 28 (2001): 1-69.
- [23] Bottoms, Anthony, and Joanna Shapland. "Steps towards desistance among male young adult recidivists." *Escape routes: Contemporary perspectives on life after punishment*(2011): 43-80.
- [24] Bottoms, Anthony, and Joanna Shapland. "Steps towards desistance among male young adult recidivists." *Escape routes: Contemporary perspectives on life after punishment*(2011): 43-80.
- [25] Davis, Celeste, Stephen J. Bahr, and Carol Ward. "The process of offender reintegration: Perceptions of what helps prisoners reenter society." *Criminology & Criminal Justice* 13, no. 4 (2013): 446-469.
- [26] Gideon, Lior. "Drug offenders' perceptions of motivation: The role of motivation in rehabilitation and reintegration." *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 54, no. 4 (2010): 597-610.
- [27] McKay, James R., and Richard V. Weiss. "A review of temporal effects and outcome predictors in substance abuse treatment studies with long-term follow-ups: Preliminary results and methodological issues." *Evaluation review* 25, no. 2 (2001): 113-161.
- [28] Naser, Rebecca L., and Nancy G. La Vigne. "Family support in the prisoner reentry process: Expectations and realities." *Journal of Offender Rehabilitation* 43, no. 1 (2006): 93-106.
- [29] DeGenova, M.K. & Rice, F.P. (2002). *Intimate Relationships, Marriages, & Families*, 5th Ed. Boston, MA: McGraw Hill.
- [30] Bales, William D., and Daniel P. Mears. "Inmate social ties and the transition to society: Does visitation reduce recidivism?" *Journal of research in crime and delinquency* 45, no. 3 (2008): 287-321.
- [31] Fox, Kathryn J. "Civic commitment: Promoting desistance through community integration." *Punishment & Society* 18, no. 1 (2016): 68-94.
- [32] Martinez, Damian J., and Johnna Christian. "The familial relationships of former prisoners: Examining the link between residence and informal support mechanisms." *Journal of Contemporary Ethnography* 38, no. 2 (2009): 201-224.
- [33] Travis, J. & Waul, M. (2003). *Prisoners Once Removed: The Impact of Incarceration and Re-entry on Children, Families and Communities*. Washington, DC: Urban Institute.
- [34] Stinnett, Nick, Nancy Stinnett, Mary Kay De Genova, and F. Philip Rice. *Intimate Relationships, Marriages Et Families*. Oxford University Press, 2017.
- [35] Christian, Johnna. "Riding the bus: Barriers to prison visitation and family management strategies." *Journal of Contemporary Criminal Justice* 21, no. 1 (2005): 31-48.
- [36] Christian, Johnna. "Riding the bus: Barriers to prison visitation and family management strategies." *Journal of Contemporary Criminal Justice* 21, no. 1 (2005): 31-48.
- [37] Capaldi, Deborah M., Hyoun K. Kim, and Lee D. Owen. "ROMANTIC PARTNERS'INFLUENCE ON MEN'S LIKELIHOOD OF ARREST IN EARLY ADULTHOOD." *Criminology* 46, no. 2 (2008): 267-299.
- [38] Berg, Mark T., and Beth M. Huebner. "Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism." *Justice quarterly* 28, no. 2 (2011): 382-410.



- [39] Lopez, F., Carpintero, E., Campo, A., Lazaro, S. & Soriano, S. (2011). *Program for Juvenile Offenders: Educational and Therapeutic Intervention*. Madrid: Pirámide.
- [40] Fernández-Campoy, Juan Miguel, and José Manuel Aguilar-Parra. "Study to investigate the links between crimes committed by youth offenders and the nature of their migratory movements." *Procedia-social and behavioral sciences* 237 (2017): 505-510.
- [41] Jang, Sung Joon, and Byron R. Johnson. "Neighborhood disorder, individual religiosity, and adolescent use of illicit drugs: A test of multilevel hypotheses." *Criminology* 39, no. 1 (2001): 109-144.
- [42] Stewart, Chris, and John M. Bolland. "Parental style as a possible mediator of the relationship between religiosity and substance use in African-American adolescents." *Journal of Ethnicity in Substance Abuse* 1, no. 4 (2002): 63-80.
- [43] Johnson, Byron R., Ralph Brett Tompkins, and Derek Webb. *Objective hope: Assessing the effectiveness of faith-based organizations: A review of the literature*. Philadelphia: Center for Research on Religion and Urban Civil Society, 2002.
- [44] Lyons, Geoffrey CB, Frank P. Deane, and Peter J. Kelly. "Forgiveness and purpose in life as spiritual mechanisms of recovery from substance use disorders." *Addiction Research & Theory* 18, no. 5 (2010): 528-543.
- [45] Giordano, Peggy C., Monica A. Longmore, Ryan D. Schroeder, and Patrick M. Seffrin. "A life-course perspective on spirituality and desistance from crime." *Criminology* 46, no. 1 (2008): 99-132.
- [46] Pardini, Dustin A., Thomas G. Plante, Allen Sherman, and Jamie E. Stump. "Religious faith and spirituality in substance abuse recovery: Determining the mental health benefits." *Journal of substance abuse treatment* 19, no. 4 (2000): 347-354.
- [47] MacKenzie, Doris Layton. *What works in corrections: reducing the criminal activities of offenders and delinquents*. Cambridge University Press, 2006.
- [48] Bakken, Nicholas W., Whitney DeCamp, and Christy A. Visher. "Spirituality and desistance from substance use among reentering offenders." *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 58, no. 11 (2014): 1321-1339.
- [49] Bakken, Nicholas W., Whitney DeCamp, and Christy A. Visher. "Spirituality and desistance from substance use among reentering offenders." *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 58, no. 11 (2014): 1321-1339.
- [50] Shadd, Maruna. "Making good: How ex-offenders reform and reclaim their lives." *Washington, DC: American Psychological Association* (2001).
- [51] Pew Center on the States. "State of recidivism: The revolving door of America's prisons." (2011).
- [52] Giordano, Peggy C., Monica A. Longmore, Ryan D. Schroeder, and Patrick M. Seffrin. "A life-course perspective on spirituality and desistance from crime." *Criminology* 46, no. 1 (2008): 99-132.
- [53] Pardini, Dustin A., Thomas G. Plante, Allen Sherman, and Jamie E. Stump. "Religious faith and spirituality in substance abuse recovery: Determining the mental health benefits." *Journal of substance abuse treatment* 19, no. 4 (2000): 347-354.
- [54] MacKenzie, Doris Layton. *What works in corrections: reducing the criminal activities of offenders and delinquents*. Cambridge University Press, 2006.
- [55] Bernstein, Jared, Lawrence R. Mishel, and Ellen Houston. *Crime and work: What we can learn from the low-wage labor market*. Washington, DC: Economic Policy Institute, 2000.
- [56] Chalfin, Aaron, and Justin McCrary. "Criminal deterrence: A review of the literature." *Journal of Economic Literature* 55, no. 1 (2017): 5-48.
- [57] Nordin, Martin, and Daniel Almén. "Long-term unemployment and violent crime." *Empirical Economics* 52, no. 1 (2017): 1-29.
- [58] Fallesen, Peter, Lars Pico Geerdsen, Susumu Imai, and Torben Tranæs. "The effect of active labor market policies on crime: Incapacitation and program effects." *Labour Economics* 52 (2018): 263-286.
- [59] Petersilia, Joan. *When prisoners come home: Parole and prisoner reentry*. Oxford University Press, 2003.
- [60] Berg, Mark T., and Beth M. Huebner. "Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism." *Justice quarterly* 28, no. 2 (2011): 382-410.
- [61] Fallesen, Peter, Lars Pico Geerdsen, Susumu Imai, and Torben Tranæs. "The effect of active labor market policies on crime: Incapacitation and program effects." *Labour Economics* 52 (2018): 263-286.
- [62] Shinkfield, Alison J., and Joseph Graffam. "Community reintegration of ex-prisoners: Type and degree of change in variables influencing successful reintegration." *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 53, no. 1 (2009): 29-42.
- [63] Ward, Tony. "Prediction and agency: The role of protective factors in correctional rehabilitation and desistance." *Aggression and violent behavior* 32 (2017): 19-28.
- [64] Polaschek, Devon LL. "Protective factors, correctional treatment and desistance." *Aggression and violent behavior* 32 (2017): 64-70.

- 
- [65] Kewley, Stephanie. "Strength based approaches and protective factors from a criminological perspective." *Aggression and violent behavior* 32 (2017): 11-18.